



# **GARIS PANDUAN PENUKARAN STATUS PROGRAM SEKTOR AKADEMIK KEPADA SEKTOR TVET**

## **1.0 PENGENALAN**

Garis panduan ini menerangkan kaedah penukaran status program sektor akademik kepada sektor TVET bagi program yang telah berstatus Akreditasi Penuh di bawah Majlis Akreditasi Teknologi dan Teknikal (TTAC) Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).

\* *Bagi program yang berstatus Akreditasi Sementara, Pemberi Pendikan (PP) penilaian adalah dijalankan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).*

## **2.0 PROSEDUR**

Berdasarkan *ketetapan Technology and Technical Accreditation Standard Second Edition (TVET Sector)* menggariskan tujuh (7) kriteria yang akan dinilai dalam memastikan program mematuhi ketetapan yang telah ditetapkan. Proses penilaian penukaran status program sektor akademik kepada sektor TVET memfokuskan kepada empat (4) kriteria berikut :

- 1) *Criteria 1: Programme Design and Delivery*
- 2) *Criteria 2: Student Assessment*
- 3) *Criteria 4: Teaching and Support Staff*
- 4) *Criteria 5: Educational Resources*

Permohonan penukaran status ini hanya melibatkan program yang telah mendapat Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh di bawah TTAC MBOT. Ketetapan pematuhan menggunakan *Technology and Technical Accreditation Standard Second Edition (TVET Sector)* dan *Guidelines on Development and Implementation of Industry Mode Programme* sebagai asas pembangunan kurikulum program TVET dengan perubahan kurikulum tidak melebihi 30%. Permohonan penukaran status ini hanya terpakai sehingga Jun 2027.


Penilaian program yang berstatus Akreditasi Sementara hanya melibatkan penilaian secara *desktop* manakala bagi permohonan yang berstatus Akreditasi Penuh akan melibatkan lawatan penilaian. Berikut adalah tindakan yang perlu diambil oleh PP bagi mengemukakan permohonan penukaran status program sektor akademik kepada sektor TVET:

- 1) Mengemukakan permohonan penukaran status kepada MBOT melalui MQA.
- 2) Melengkapkan borang pendaftaran penukaran status yang dikemukakan oleh MBOT.
- 3) Membuat pembayaran fi penilaian penukaran status kepada MQA.

Carta alir proses penukaran status bagi program sektor akademik kepada sektor TVET adalah seperti di Lampiran A, manakala templat borang penghantaran dokumen adalah seperti di Lampiran B.

## LAMPIRAN A


### CARTA ALIR PERMOHONAN PENUKARAN STATUS PROGRAM SEKTOR AKADEMIK KEPADA SEKTOR TVET BAGI PEMERINTAH



\* Acronym :

MBOT: Malaysia Board of Technologist  
 MQA: Malaysian Qualifications Agency  
 EP: Education Provider  
 AP: Accreditation Panel  
 JTA: Jawatankuasa Teknikal Akrediasi  
 TTAC: Technology and Technical Accreditation Council

**PROVISIONAL ACCREDITATION FLOW CHART (ACADEMIC TO TVET)**



\* Acronym :

MBOT: Malaysia Board of Technologist  
 MQA: Malaysian Qualifications Agency  
 EP: Education Provider

AP: Accreditation Panel  
 JTA: Jawatankuasa Teknikal Akreditasi  
 TTAC: Technology and Technical Accreditation Council